

# KOSMOLOGI DAN NILAI KEPAHLAWANAN DALAM SASTERA EPIK *TAKNA' LAWE'* KOMUNITI KAYAN KALIMANTAN BARAT

*(Cosmology and Heroic Values in the Takna' Lawe' Epic of the Kayan Community of West Kalimantan)*

Albert Rufinus  
rufinusledjo@gmail.com

Program Studi Pendidikan Bahasa Inggeris dan Sastera Daerah,  
Universitas Tanjungpura, Pontianak, Kalimantan Barat.

Zahir Ahmad  
zahir@um.edu.my

Yaacob Harun  
yaacob19@yahoo.com

Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya.

## Abstrak

Kosmologi ialah bidang falsafah yang mengkaji asal usul, proses dan struktur alam semesta. Makalah ini meneliti tiga konsep utama yang bersesuaian dengan pandangan kosmos dan kepercayaan orang asli, iaitu keabadian jiwa, fatalisme dan leluhur peran menerusi puisi epik *Takna' Lawe'* komuniti Kayan, Kampung Mendalam, Kalimantan Barat. Puisi epik ini menggambarkan kepercayaan kepada para roh yang menghuni bumi para roh yang membentuk tradisi Kayan. Ketokohan Lawe' dalam *Takna' Lawe'* menjadi simbol atau ikon dalam komuniti Kayan kerana memiliki nilai kepahlawanan seperti kemanusiaan, kedewaan dan kesateriaan. Penggunaan warna merah pada pakaian, topi, ukiran, perisai dan rumah dianalisis menggunakan teori semiotik. Analisis mendapati penggunaan warna merah mencerminkan keberanian dan keperkasaan telah diterima dan ditaati sebagai suatu peraturan dalam komuniti Kayan. Begitu juga dengan ritual tentang kelahiran, kematian, bertani, berpesta dan beribadat.

Kata kunci: kosmologi, komuniti Kayan, *Takna' Lawe'*, nilai kepahlawanan, kepercayaan

**Abstract**

*Cosmology is that part of philosophy that concerns the study of the origin, processes and structure of the universe. This article studies three central concepts of the cosmological views and beliefs of the indigenous peoples, i.e. the immortality of the soul, fatalisme and ancestral worship through the Takna' Lawe' epic of the Kayan community from Kampung Mendalam in West Kalimantan. Takna' Lawe' is an epic poem describing the Kayan belief in souls. Lawe', the central figure in the epic, is an icon to the Kayan as he possesses heroic qualities such as human kindness, god-like qualities and chivalry. The use of the colour red on articles of clothing, headgear, carvings and houses is analysed using semantic theory. Analysis reveals that the colour red has been accepted as a symbol of courage and bravery in the Kayan community. This is also reflected in rituals concerning birth, death, farming, feasting and worship.*


*Keywords: cosmology, Kayan community, Takna' Lawe', heroic values, beliefs*

**PENDAHULUAN**

Untuk mengekalkan nilai warisan budaya kaum orang asli<sup>1</sup>, pandangan dan fahaman tentang kosmos komuniti tersebut mesti terlebih dahulu difahami. Fahaman kosmos daripada sesuatu kebudayaan merupakan pandangan semesta mereka yang mempercayai sesuatu kebudayaan yang membentuknya, asal usul, arah perjalanan yang memandu kehidupan, peran individu dalam komuniti, tujuan kehidupan dan interaksi seluruh aspek. Pandangan kosmos biasanya diwarisi oleh leluhur sesuatu kaum.

Makalah ini membincangkan pandangan kosmologi komuniti Kayan<sup>2</sup> di Kampung Mendalam, Kalimantan Barat (Peta 1) dalam *Takna' Lawe'* yang berkaitan dengan nilai tempatan yang diperoleh melalui ketokohan pahlawan Lawe'. Pesan yang dianggap sebagai kearifan tempatan yang ditinggalkan oleh leluhur memberikan kekuatan kepada kehidupan komuniti dari dahulu, kini dan pada masa yang akan datang.

Kepahlawanan ialah seseorang yang mempunyai anugerah dengan ciri atau model tersendiri sehingga berbeza daripada yang lain seperti yang diungkapkan oleh Bowra (1952) dalam bukunya yang bertajuk *Heroic Poetry*. Menurut beliau lagi, seseorang pahlawan itu insaf bukan kerana sesuatu yang mereka lakukan tetapi disebabkan oleh rasa hormat dan khatir. Puisi kepahlawanan bukan sahaja memerhatikan perbuatan tetapi turut menampilkan kelebihan dan kecekapan manusia yang sangat istimewa. Oleh sebab itu, sebagai pahlawan, mereka memiliki kekuatan yang luar biasa (*supernatural*) dan kekuatan yang dimiliki melengkapinya kelebihan yang sedia ada. Hal ini dinyatakan oleh Bowra (1952:91) seperti yang berikut:



**Peta 1** Lokasi kediaman komuniti Kayan.

*Heroes awake not only interest in their doings but admiration and even awe for themselves. Since heroic poetry treats of action and appeals to the love of prowess, its chief figures are men who display prowess to a high degree because their gifts are of a very special order. A hero differs from other men in the degree of his powers. In most heroic poetry these are specifically human, even though they are carried beyond the ordinary limitations of humanity. Even when the hero has supernatural powers and is all the more formidable because of them, they do little more than supplement his essentially human gifts.*

Pernyataan Bowra tersebut bersesuaian dengan pernyataan Jones (2010:22) dan Moss (2006:185, 259) yang mengiktiraf pahlawan Lawe' sebagai pahlawan kerana memenuhi ciri kemanusiaan (*human hero*), kedewaan (*divine hero*) dan kesateriaan (*warrior hero*). *Takna' Lawe'*<sup>3</sup> merupakan sebuah puisi epik yang terdiri daripada 6537 bait. Puisi tersebut bercerita tentang kehebatan Lawe' yang gagah berani sebagai seorang manusia biasa, dewa dan kesateria. Lawe' merupakan leluhur yang juga sakti dan penuh misteri<sup>4</sup>. Lawe' sebagai pahlawan yang luar biasa terbukti boleh menghentikan kejahatan musuhnya seperti menewaskan To' Magung, iaitu perompak yang bengis dan mengusir dewa jahat dan penipu yang bernama Juk Apui. Komuniti Kayan mempercayai kisah tersebut sebagai suatu pandangan kosmos komuniti Kayan. Long dan paderi Ngo (1984) telah menulis buku yang berjudul *Syair Lawe'*:

*Pahlawan demi Kekasih* yang dibahagikan kepada empat buku seperti yang berikut:

1. Buku I: *Lawe' dengan Nyalo (Lawe' Dahin Nyalo)* (1874 bait).
2. Buku II: *Lawe' dengan To' Magung dan Lawe' menghidupkan Hingaan Jaan (Lawe' dahin To' Magung Lawe' Pekurip Hingaan Jaan)* (1902 bait).
3. Buku III: *Lawe' dengan Juk Apui (Lawe' dahin Juk Apui)* (796 bait).
4. Buku IV: *Lawe' dengan Lirung Buaa' (Lawe' dahin Lirung Buaa')* (1965 bait).

Dalam karya sastera tradisional tersebut, Lawe' ialah pelaku utama yang dinyatakan sebagai seorang pahlawan yang mempunyai perasaan cinta dan kesetiaan (*a hero for love and loyalty*). *Takna'*<sup>5</sup> (cerita) tentang Lawe' ini menggambarkan kehidupan dan kemenangan seorang dewa bernama Lawe' dari bumi manusia dan kayangan, iaitu tempat tinggal roh dan dewa dewi. Sebagai sebuah sastera tradisional, puisi tersebut mengisahkan kepahlawanan dan kesemestaan atau kosmologi Kayan di Kalimantan Barat, Indonesia dan di Sarawak, Malaysia. Menurut tulisan Long dan Ngo (1984:xlili-xliii), kisah *Takna' Lawe'* ialah kisah seorang pahlawan bernama Lawe' yang mempunyai *takna'*, iaitu roh di kayangan.

Dengan kata lain, *takna'* bererti roh daripada Lawe', iaitu jiwa atau semangat Lawe' sebagai manusia yang sudah meninggal dunia yang telah berpindah dan tinggal di kayangan (dunia roh). Lawe' yang berketurunan raja (*hipui*)<sup>6</sup> ialah seorang pahlawan yang ulung, sakti, mulia, berkuasa dan merupakan pejuang besar. Lawe' berjuang demi kekasihnya, Karigit sehingga berperang melawan musuhnya. Lawe' juga terkenal dengan gelaran "Pahlawan demi Kekasih". Dengan kesaktiannya, Lawe' mencipta dan membela rakannya seperti Awing Tanyaang Lahe, Tuva', Avun Ului Ajo dan Hukang. Mereka kemudiannya menjadi rakan seperjuangan. Komuniti Kayan mempercayai bumi para roh berada di jagat raya (dunia). Long dan Ngo (1984:xxxiii-xxxiv) menyatakan bahawa:

Para roh terdapat di mana-mana: di dalam tanah, di dalam air, di atas tanah, di atas pohon, di gunung, dan lain-lain, di angkasa sampai di puncak langit. Para roh itu ada yang baik dan ada yang tidak baik terhadap manusia; *takna'* biasanya baik. Roh yang baik menjadi pembantu dan roh yang jahat bisa mengganggu.

Dove (Long dan Ngo, 1984:xii, xvi, xx) mendakwa bahawa *Takna' Lawe'* merupakan karya sastera yang besar dan asli. Karya ini seharusnya tidak diabaikan begitu sahaja seperti cerita rakyat<sup>7</sup> yang hanya dianggap penting dan menarik bagi penduduk setempat. Perkara yang lebih penting lagi, *Takna' Lawe'* merupakan karya Indonesia yang benar-benar asli, yang bukan sekadar diambil daripada suatu cerita asing, melainkan dicipta dan dikembangkan oleh kebudayaan asli Indonesia.

### **PANDANGAN SEMESTA KEBUDAYAAN ORANG ASLI<sup>8</sup>**

Terdapat tiga konsep utama yang bersesuaian dengan pandangan kosmos dan kepercayaan orang asli ialah keabadian jiwa (*the immortality of the soul*), fatalisme (*fatalistic views*) dan peran leluhur (*the role of ancestors*). Dalam konteks kepercayaan terhadap keabadian jiwa, orang asli percaya roh tidak mati tetapi berpindah daripada manusia kepada binatang atau dalam bentuk roh halus. Roh boleh terus hidup dalam alam seperti di sungai, gunung, tanah datar, dan sebagainya, sama ada berjiwa mahupun yang tidak berjiwa tetap dipuja dan diagungkan. Oleh itu, pokok yang terdapat di dalam hutan, tabu untuk ditebang kerana jika dilakukan kehidupan roh seperti dalam bentuk tanaman dan binatang ternakan akan terhenti. Selain itu, larangan tersebut bertujuan mengekalkan kehidupan roh yang tertinggi di bumi, iaitu manusia. Pandangan kosmos orang asli ini perlu diberikan perhatian, lebih-lebih lagi jika sesuatu projek pembinaan hendak dilaksanakan.

Selain itu, kepercayaan fatalisme dikatakan berkait rapat dengan asal usul orang asli. Mereka yakin bahawa kehidupan individu dan komuniti perlu diterima seperti nasib jika terjadi, maka akan terjadilah! Ikatan kekeluargaan dan komuniti merupakan suatu ikatan yang suci dan keramat. Sesuatu perkara itu akan terjadi sesuai dengan kehendak roh yang menguasai kehidupan.

Kepercayaan terhadap peran leluhur merupakan satu lagi konsep yang bersesuaian dengan pandangan kosmos dan kepercayaan hidup orang asli. Leluhur ialah nenek moyang yang telah meninggal dunia tetapi semasa hidupnya dihormati, berstatus, berjasa besar dan mulia kerana berusaha mempertahankan dan meningkatkan status komuniti. Mereka juga yakin bahawa leluhur yang berupa roh mempunyai kekuatan dan menjadikan kehidupan komuniti menjadi lebih baik atau sebaliknya. Hasil pertanian atau ternakan yang tidak menjadi dianggap tidak bernasib baik kerana akan melenyapkan sesuatu komuniti. Namun, nasib yang baik adalah sebaliknya. Roh leluhur juga dipercayai dapat memberikan ketenangan, meningkatkan hasil pertanian dan ternakan, serta menjamin keselamatan. Bagi mendapatkan kebaikan daripada roh leluhur, permohonan dan persembahan kepada roh leluhur dilakukan oleh orang tua-tua yang bijak pandai melalui mantera atau doa.

### **PANDANGAN SEMESTA KEBUDAYAAN KAYAN**

Pandangan semesta orang Kayan adalah berdasarkan kepercayaan lama, iaitu pandangan tentang dunia para roh daripada *Takna' Lawe'* (Long dan Ngo, 1984). Pandangan ini merupakan suatu sistem kepercayaan daripada akal yang sihat (*common sense*) tentang suatu sistem budaya yang tetap dan alam semula jadinya yang beraneka ragam dalam lintas antara komuniti, dan dalam suatu komuniti yang

berkaitan. Dalam hal ini, Geertz (1983:92) menyatakan bahawa:

*... that common sense is a cultural system, that there is an ingenerate order to it capable of being empirically uncovered and conceptually formulated, one cannot do so by cataloguing its content, which is wildly heterogeneous, not only across societies but within them—ant-heap wisdom.*

Dalam konteks asal usul dan kepercayaan semesta, sistem komuniti Kayan dikategorikan sebagai kosmologi. Braginsky (dlm. Yaacob, 2001) menyatakan bahawa:

Penghayatan kosmologikal dalam komuniti boleh juga dikaitkan dengan aspek perlambangan (*symbolism*). Braginsky dalam makalah beliau yang bertajuk, “Sufi Boat Symbolism: Problems of Origin and Evolution” menghuraikan soal perlambangan perahu atau kapal dari perspektif ilmu sufi dan dari perspektif kosmologi, serta sistem kepercayaan tradisi komuniti peribumi di Alam Melayu. Dari sudut ilmu sufi, perahu atau kapal antara lain disifatkan sebagai lambang untuk menguji keimanan manusia seperti kapal menghadapi gelora di lautan, sebagai penyelamat manusia daripada kekufuran, dan sebagai cara mendekati diri kepada Tuhan dengan cara berzikir. Seperti yang ditunjukkan oleh Braginsky, dalam komuniti Batak, Ngaju, Dayak, Toraja dan Melayu, perahu juga sebagai lambang kosmos, lambang bagi diri manusia, dan juga sebagai cara berhubung dengan makhluk halus (*spiritisme*) yang terdapat dalam sistem kepercayaan tradisi mereka.

(Yaacob, 2001:vi)

Begitu juga halnya dengan kosmologi peribumi yang mempunyai kosmologinya yang tersendiri seperti yang dikatakan oleh Juli Edo (2001:133):

Sekiranya diperhatikan secara terperinci, setiap suku kaum orang asli mempunyai versi masing-masing terhadap orde alam. Salah satu daripada orde tersebut ialah perjalanan roh ke alam akhirat.

Kisah tentang kosmologi peribumi atau penciptaan dunia, iaitu bentuk dan keadaan alam, serta keadaan di atas (*syurga*) diungkapkan oleh Skeat dalam bukunya, *Malay Magic* sebagai:


*“Earth of the width of a tray, and Heaven of the width of an umbrella”, may be intended to represent respectively the ‘souls’ (semangat) of heaven and earth, in which case they would bear the same relation to the material heaven and earth as the man-shaped human soul does to the body of a man.*

(Skeat, 1965:5)

Berasaskan pandangan kosmologi peribumi, pernyataan tersebut menjelaskan keadaan hidup manusia di atas muka bumi yang diibaratkan hanya selebar talam berbanding dengan kehidupan yang kekal dan abadi di syurga yang diibaratkan selebar payung. Kehidupan di dunia lebih kecil berbanding dengan kehidupan di syurga yang berlipat kali ganda lebih besar. Keadaan ini menunjukkan bahawa mereka mempercayai bahawa kehidupan manusia yang baik di bumi akan mendapat balasan yang setimpal dan lebih besar pahalanya di syurga. Tiga aspek penting tentang pandangan semesta kebudayaan Kayan adalah seperti yang berikut:

### 1. Bentuk Dunia dalam Kosmologi Kayan

Menurut pandangan semesta tradisi Kayan yang diperoleh daripada cerita dan kepercayaan orang tua-tua Kayan, pada mulanya bumi ini kecil dan berasal daripada tahi cacing dan kemudiannya menjadi besar (Buku III: *Lawe'dengan Juk Apui*, no. 366). Berdasarkan Rajah 1 yang diubah suai daripada *Dunia menurut Kosmologi Kayan*



**Rajah 1** Jagat raya orang Kayan.

(Long dan Ngo, 1984:260), kosmologi atau alam semesta orang Kayan terdiri daripada tanah dan langit. Langit tertelungkup di atas tanah (bumi) seperti kawah besar, dan tepi tanah dan tepi langitnya bertemu. Keadaan ini disebut sebagai *tumaan* atau *sakatit*. Di tengah langit, membujur dari timur ke barat atau sebaliknya, terdapat *tumaan langit* (pertemuan langit) yang kadang-kadang terbuka dan terangnya berpanjangan. Keadaan ini jarang-jarang terjadi dan sesiapa yang melihatnya akan beruntung kerana akan mendapat hasil pertanian (padi) yang banyak (subur), dan lain-lain.

Pertemuan langit itu juga dirapatkan oleh kancing seperti baju. Kancing langit ini dikenali sebagai *pako langit*. Terdapat juga istilah *ubung langit* (puncak langit) atau *ubut langit* (pusat langit) digunakan. Pusat langit di bahagian sebelah atas berbentuk lancip menyerupai paruh burung (Buku II: *Lawe' dengan To' Magung*, no. 974 dan Buku I: *Lawe' dengan Nyalo*, no. 857 dan 1036). Langit pula merupakan kawah yang tertelungkup, dipercayai mempunyai lapan tingkat, dan di sanalah Lawe' dan Nyalo berjalan (Buku II: *Lawe' dengan To' Magung*, no. 973; no. 1057). Di atas langit juga terdapat air, dan air itu keluar dari sana melalui *pusuu' usaan* (jantung hujan) dan sampai di bumi berupa hujan. Dipercayai juga bahawa langit berada pada kedudukan yang paling rendah. Menurut orang Kayan:

Pada suatu hari, seorang perempuan pergi memberi makan kepada binatang ternakannya. Beliau menggunakan sebatang galah untuk mengusir binatang lain yang datang mengganggu. Semasa mengangkat galah, galah tersebut terkena pada langit menyebabkan langit menjadi marah, lalu terangkat ke atas sehingga hari ini. Antara tanah dan langit pula terdapat bintang (*karawing*), matahari (*mataando*) dan bulan (*bulaan*).

Menurut kepercayaan orang Kayan, bintang tiga yang disebut *karawing bertukar* atau *karawing tukar dumaan* (bintang pengukur tahun) ialah waktu bagi orang Kayan membakar ladang untuk ditugal. Sementara itu, bintang kecil pada bahagian hujung merupakan ekornya yang disebut sebagai *karawing bukaar* (bintang yang menyerupai sarung parang atau *mandau* dengan perhiasan sebagai ekornya). *Karawing maraseh* pula bermaksud bintang timur, bintang kejora atau Venus (Zuhrah) yang nampak terang pada pagi hari di sebelah timur.

Sistem semesta dan pengetahuan tempatan daripada komuniti Kayan mempercayai bahawa bumi para roh berada di jagat raya (dunia). Rajah 1 tersebut menggambarkan alam semesta kehidupan di atas (langit) dan di bawah (bumi); bentuk dan tempat di langit, iaitu puncak langit, matahari, bintang dan kehidupan leluhur, Tuhan Allah, langit bertingkat, kancing langit; di bumi, iaitu kawasan dataran tinggi asal usul orang Kayan daripada *Apo Kayan* di Kalimantan Timur dan tempat kehidupan manusia; serta *Apo Lagaan*, iaitu gunung yang tinggi tempat terletaknya rumah



(kampung) *Ine Aya'* (Ibu Besar) dan rakyatnya. *Apo Lagaan* ialah tempat permulaan dunia para roh yang disebut *takna'*. Dari *Apo Lagaan* roh meneruskan perjalanan ke *telaang julaan*. Selain itu, terdapat nama tentang sumber kehidupan, cahaya dan iklim seperti matahari, bintang, air laut, serta pintu jalan air dan kehidupan. Dalam syair *Takna' Lawe'*, keadaan jagat raya ini memberikan inspirasi tentang kehidupan dan perjuangan Lawe' sebagai manusia, dewa dan kesateria.

Berdasarkan syair epik *Takna' Lawe'* didapati leluhur orang Kayan sudah mempunyai ilmu falak atau astronomi dengan namanya yang tersendiri. Kepercayaan terhadap matahari dan bulan dengan bentuk dan darjatnya yang tinggi atau rendah antara lain melambangkan perempuan (yang cantik, misalnya) disebut *mataando tubuu'* (matahari terbit) atau *idaang do nyinaa'*, *ulii' hulaan*, dan sebagainya yang banyak terdapat dalam tulisan *Takna' Lawe'*. Nama orang Kayan banyak mengambil nama daripada dunia kosmos dan mitos yang melambangkan tempat yang tinggi seperti *Karawing* (bintang), *Bulaan* (bulan) dan *Avun* (awan), kehidupan di dalam air seperti *Silo* dan *Sengiaang* yang merupakan nama mitologi dalam cerita leluhur Kayan, serta nama kehidupan di hutan yang melambangkan kekuatan dan keperkasaan seperti *Lejo* (harimau), *Tingaang* (burung enggang) dan *Belawing* (burung besar yang sakti). Terdapat juga kepercayaan tentang bentuk bulan dan sistem nilai dalam kehidupan seharian komuniti Kayan, iaitu pada bulan purnama (*kamat*), misalnya tidak boleh mendirikan pondok kerana akan hangus, tidak boleh melakukan upacara adat kerana akan mendapat celaka, dan sebagainya.

## 2. Kepercayaan Tempatan terhadap Tuhan Pencipta

Menurut Long dan Ngo (1984), orang Kayan percaya akan adanya satu tuhan yang menciptakan dan menyelenggarakan segala sesuatu di dunia ini. Di Kampung Mendalam, pada umumnya tuhan disebut *tenangaan* atau *tipang tanangaan*. Kadang-kadang digunakan juga kata *tinge* atau *taninege* dan *tipang tinge* atau *tipang taninge* (tuhan penguasa). Walau bagaimanapun, istilah *tipang tinge* atau *tipang taninge* kurang diketahui umum dan hanya digunakan dalam komuniti Kayan di Mahakam, Kalimantan Timur. *Tenangaan* bermaksud “pembuat” dan “pencipta”, manakala *tinge* atau *taninege* bermaksud “yang memeriksa” dan “yang mengawal dari atas” (*ha' ubung langit*, *ubung tinge*, *ubung tesun*, *ubung hinaa'*, *ubung liso'*, dan sebagainya) yang terletak di puncak langit (*ha' langit kalung jale*) (di langit yang berwarna halus) dan *ha' langit menung* (di langit teduh), serta “yang bersemayam di tingkat syurga tertinggi yang boleh sampai di mana-mana sahaja kerana bersifat roh”. Dalam upacara agama tertentu, orang berdoa dan membawa korban. Ada juga orang yang selalu ingat kepadanya dengan berdoa, terutama ketika dalam kesusahan seperti yang dilakukan Lawe' (Buku III: *Lawe' dengan Juk Apui*, no. 339).

### 3. Alam Semesta Para Roh

Syair epik *Takna' Lawe'* juga turut mengungkapkan pandangan orang Kayan yang membezakan *to'* dan *takna'*, iaitu *hia' au te to'* atau *hia' au te takna'* (sudah menjadi roh atau sudah mati). Jiwa orang yang sudah mati disebut *to' (to' mate)*, iaitu roh mati atau roh orang mati, manakala *takna' (takna' mawe)* bermaksud roh yang berpindah dari bumi manusia ke bumi para roh. Kata *lawe'* (roh) dan *hulaan to'* berasal daripada *to'* (Buku III: *Lawe' dengan Juk Apui*, no. 92, 772). Namun, *to'* tuhan dikatakan berasal daripada ungkapan *hulaan to' Tipang, man Tanangaan man ubung tesun* yang bermaksud “daripada Sang Penguasa dari puncak angkasa”. Analisis mendapati bahawa kata *to'* pada umumnya bermaksud “roh” dan *takna'* bermaksud “roh yang tertentu” yang biasanya disebut *takna' paran* (roh mulia). Oleh sebab itu, terdapat ungkapan *takna' paran* dan *takna' mawe* yang bermaksud “jiwa orang mati”. Selain itu, *to'* juga bererti “hantu”, manakala *ngeto'* bermaksud “berhantu”.

Para roh juga dipercayai berada di mana-mana, iaitu di dalam tanah, di dalam air, di atas tanah, di atas pohon, di gunung dan kawasan lain, serta di angkasa sehingga sampai di puncak langit. Para roh (*to', takna'*) pula ada yang baik dan ada yang tidak baik terhadap manusia tetapi *takna'* biasanya baik. Roh yang baik menjadi pembantu dan roh yang jahat boleh mengganggu. Manusia berdoa dan menyembah roh supaya mereka dibantu dan tidak diganggu. Roh yang jahat biasanya dikalahkan dengan perantaraan roh yang baik (*takna' paran*). Menurut kepercayaan, kehidupan para roh mempunyai persamaan dengan kehidupan manusia di bumi kerana ada yang belum maju dan ada yang sudah maju. Lazimnya, raja lebih kuat, lebih mulia, lebih sakti dan lebih berkuasa berbanding dengan rakyat biasa (Buku III: *Lawe' dengan Juk Apui*, no. 528–30 dan semasa *Lawe'* berperang dengan Lirung Buaa' jauh di hilir Kalimantan<sup>9</sup>, no. 1557–562).

#### ***Bumi Para Roh***

Para roh di angkasa juga mempunyai bumi yang tersendiri seperti bumi (tanah yang diduduki oleh manusia) tetapi tidak nampak pada pandangan mata (bumi rohaniah). Bumi para roh itu dikatakan rupanya sama, dan berada di dalam satu kolong langit dengan bumi manusia, bintang, matahari dan bulan. Menurut kepercayaan orang Kayan, terdapat *tanaa' idaa'* (tanah di bawah, yakni bumi manusia) dan ada *tanaa' usun* (tanah di atas, yakni bumi para roh). Keadaan dan kehidupan di atas sama dengan keadaan dan kehidupan di bawah seperti orang Kayan dengan adat istiadat orang Kayan.

Menurut orang tua-tua, adat istiadat orang Kayan berasal daripada *Ine Aya'* (Ibu Besar) di *Apo Lagaan* (tempat tinggi). Mereka terdiri daripada orang Kayan,

apatah lagi Lawe' yang disebut secara terang-terangan, dan hanya terdapat sedikit sahaja suku kaum lain seperti orang Penan, Bukat dan *daha' halo'*, iaitu orang asing daripada muara sungai, selain muara Sungai Kaliman. Kehidupan para roh yang di atas juga hidup berkampung dan mencari nafkah dengan berladang, dan lain-lain, serta merasai penderitaan seperti sakit, luka atau mati. Mereka juga mempunyai jiwa seperti orang Kayan di bumi, iaitu jiwa yang pergi ke *Telaang Julaan* (syurga) semasa Lawe' pergi mencari jiwa Karigit. Mereka suka berperang sesama mereka, iaitu antara orang Kayan (Buku III: *Lawe' dengan Juk Apui*). Perang dilakukan secara berdisiplin dan taat kepada aturan atau adat untuk mencari nama besar dan pihak yang lebih pandai, lebih berkuasa, lebih sakti, dan sebagainya

Menurut Buku IV: *Lawe' dengan Lirung Buaa'* (no. 858, 857 dan 1011-012), dalam peperangan, yang kalah akan binasa dan tempat tinggal mereka boleh dimusnahkan atau harta mereka boleh dirampas oleh pihak yang memenangi peperangan. Menurut kepercayaan orang Kayan, kehidupan di *Telaang Julaan* diketahui menerusi mimpi. Mereka juga hidup seperti manusia di bumi, berkampung, bekerja mencari nafkah dan akhirnya mati. Selepas jiwa itu mati di *Telaang Julaan*, roh akan pergi ke tempat Tuhan Allah di langit *menung* (langit teduh) atau di langit *kalung jale* (langit berwarna halus) yang terletak lebih tinggi di atas *Telaang Julaan*. Hal ini tidak diketahui umum tetapi hanya diketahui oleh beberapa *dayung*, biasanya *dayung aya'*, iaitu paderi yang tinggi darjatnya.

### ***Daerah dan Kampung Para Roh***

Menurut sejarah, setelah orang Kayan sampai di Indonesia, mereka menetap di Apokayan (Apo Kayan) di Sungai Kayan di Kalimantan Timur dan kemudiannya berpindah (eksodus) ke Mahakam di Kalimantan Timur, ke Sarawak, Malaysia Timur dan akhirnya ke Kalimantan Barat. Sehingga kini, masih ramai yang menetap di Apo Kayan (Peta 2). Berdasarkan peta tersebut, orang Kayan di Sarawak Borneo dan Kalimantan tinggal di Apo Kayan, Kalimantan Utara; Mahakam, Kalimantan Timur; Beram, Tubau, dan Balui, Sarawak; dan Kampung Mendalam, Kalimantan Barat.

Di atas Apo Kayan terdapat *Apo Lagaan*, iaitu gunung yang tinggi melangit, tempat terletaknya rumah (kampung) *Ine Aya'* dan rakyatnya. *Apo Lagaan* disebut sebagai tempat permulaan ke dunia para roh yang biasanya disebut *takna'* (*takna' paran*). Apabila suatu jiwa itu meninggal dunia, rohnya akan terus ke *Apo Lagaan* yang terletak di hulu sungai Kaliman dan meneruskan perjalanannya ke *Telaang julaan*. Dari Sungai Kaliman orang mudik ke Sungai Lising (anak Sungai Kaliman), lalu sampai di persinggahan dan orang berjalan kaki mendaki *Apo Lagaan* sehingga sampai di kampung.



Peta 2 Petempatan orang Kayan di Kalimantan Utara, Timur dan Barat, serta di Sarawak.

Menurut *Takna' Idaa' Beraan*, orang Kayan sudah tidak tahu tentang nama anak Sungai Kaliman yang terletak di sebelah hulu Sungai Lising kerana terletak di kawasan paling hulu. Menerusi *dayung* (doa) orang Kayan, di kawasan Sungai Kaliman Besar ini terdapat berpuluh-puluh, mungkin seratus buah atau lebih kampung para roh (*takna'*). Rumah atau kampung ini digelar oleh rajanya sebagai *hungo* (rumah) atau *Avi Dungo* (*Ine Aya'*) *te' Legun Tajo te' Apolagaan* (rumah Avi Dungo di Legun Tajo di *Apo Lagaan*); atau *jaang* (rumah) *Sepi Punyaang dawa' Tuaang te' Idaa' Beraan* (ibu dan bapa Lawe') (di Idaa' Beraan); atau *tukung* (rumah) *Ine Aya' Lung ha' pudung nyekung nakalaan* (di muara Sungai Kaliman).

### KEARIFAN TEMPATAN DAN NILAI KEPAHLAWANAN LAWE'

Menurut Ahimsa-Putra (2011), kearifan tempatan digambarkan sebagai:

Kearifan lokal mencakup berbagai pengetahuan, pandangan, nilai serta praktek-praktek dari sebuah komunitas baik yang diperoleh dari generasi-generasi sebelumnya dari komunitas tersebut, maupun yang didapat oleh komunitas tersebut di masa kini, yang tidak berasal dari generasi sebelumnya, tetapi dari berbagai pengalaman di masa kini, termasuk juga dari kontaknya dengan komuniti atau budaya lain (Ahimsa-Putra, 2006). Oleh karena itu kearifan lokal dapat didefinisikan sebagai perangkat pengetahuan dan praktek (aktivitas) pada suatu komunitas - baik yang berasal dari

generasi-generasi sebelumnya maupun dari pengalamannya berinteraksi dengan lingkungan dan komuniti lainnya - untuk menyelesaikan secara baik, benar dan bagus persoalan dan/atau kesulitan yang dihadapi.

(Ahimsa-Putra, 2011:7)

Jelasnya, Ahimsa-Putra (2011:7) membezakan antara kearifan tempatan dengan kearifan tradisional. Kearifan tempatan memberikan penekanan terhadap tempat atau lokasi kearifan tersebut yang telah diwarisi oleh sesebuah komuniti secara tradisional, iaitu komuniti yang mengamalkan cara hidup yang turun-temurun. Kearifan tempatan merupakan kearifan yang telah lama muncul dalam sesuatu komuniti. Oleh itu, kearifan tempatan tidak selalunya bersifat tradisional dan lebih luas maknanya daripada kearifan tradisional. Untuk membezakan antara kearifan tempatan yang baharu muncul dengan kearifan tempatan yang telah lama dikenali dalam sesuatu komuniti disebut juga sebagai “kearifan kini”, “kearifan baharu”, atau “kearifan kontemporari”, manakala “kearifan tradisional” disebut sebagai “kearifan dahulu”, “kearifan masa lampau” atau “kearifan lama”.

Oleh itu, kearifan tempatan juga dikatakan berkait dengan berbagai-bagai pengetahuan, teknologi, pandangan dan praktik kehidupan komuniti tempatan (orang asli) yang muncul kesan hubungan antara generasi terdahulu dengan generasi kini dalam lingkungan tempat tinggal. Kearifan tempatan tersebut dapat dikategorikan sebagai kearifan etnografi seperti sejarah, ekologi, seni, perubatan, pendidikan, makanan, botani dan agama. Masing-masing kemudiannya memiliki sistem nilainya yang tersendiri yang berkaitan antara satu dengan yang lain.

Oleh itu, unsur kearifan tempatan yang dapat dikesan dalam syair epik *Takna' Lawe'* ialah kepahlawanan seorang Lawe' yang secara khususnya memperlihatkan kearifan tradisional seperti kearifan etnografi kerana berkaitan dengan cabang antropologi kebudayaan. Syair epik ini memerikan secara saintifik tentang komuniti manusia, iaitu Lawe' yang berjuang dan berperang melawan musuh yang dibantu oleh rakannya dalam komuniti Kayan, dan kearifan tempatan tentang seni budaya menari, memahat, mengukir dan perubatan tradisional.


Dalam *Takna' Lawe'*, pahlawan Lawe' ialah pelaku utama cerita mitos tentang kehidupan para dewa, roh di langit atau kayangan dengan manusia di bumi, dan kisah tentang pertempuran para wira atau pahlawan. Syair epik ini mengandungi tema, karakter atau pelaku, selain mengandungi tanda kesusasteraan yang bermakna seperti kata, idea atau objek yang berkaitan dengan nilai seseorang atau falsafah hidup dan bahasanya (kata dan tutur kata).

Berdasarkan nilai watak Lawe' sebagai roh, manusia dan wira demi kekasih yang gagah dan berani, ciri watak kepahlawanan seperti yang dikaji oleh Ponniah (1979) menggabungkan ciri atau sifat wira kedewaan, wira kemanusiaan dan wira kekesateriaan

seperti yang digambarkan dalam Rajah 2. Nilai tersebut ada pada tokoh Lawe' selaku seorang dewa, seorang manusia dan seorang kesateria. Selaku ciri *kedewaan*, Lawe' ialah seseorang yang dipuja-puja yang mempunyai sifat roh dan manusia halus yang dipercayai berkuasa terhadap bumi dan segala isinya. Sebagai wira kemanusiaan, Lawe' ialah seseorang yang mempunyai sifat atau watak sebagai manusia selayaknya dan makhluk yang mempunyai akal budi. Sebagai wira kekesateriaan, Lawe' ialah seorang pahlawan atau wira yang mempunyai sifat atau watak sebagai perwira dan perajurit yang gagah berani. Dengan perkataan lain, Lawe' boleh bersifat dewa, manusia dan kesateria. Contohnya, sebagai seorang dewa, Lawe' berperang untuk menghapuskan dan mengalahkan para dewa yang jahat kerana kesaktiannya. Sebagai manusia, Lawe' hidup dalam sebuah keluarga di kampung dan mempunyai hubungan sosial dengan komuniti biasa. Sebagai kesateria pula, Lawe' menang berperang kerana membela yang benar kerana keberaniannya yang luar biasa. Konsep kekuatan Lawe' (kedewaan, kemanusiaan dan kekesateriaan) yang "tritunggal" ini tersirat dalam kosmologi komuniti Kayan, di Kampung Mendalam, Kalimantan Barat.

Jalur hubungan antara unsur sistem nilai kedewaan-kemanusiaan-kekesateriaan dihubungkan dengan tanda, simbol atau lambang dan maknanya dapat diketahui dan difahami seperti yang terdapat dalam Rajah 2. Gambar ini memberikan gambaran bahawa *Takna' Lawe'* dengan idea utama yang diungkapkan dengan kata atau bahasa Kayan sebagai tanda (kata sebagai simbol selain tanda lain sebagai ikon dan indeks dalam bahasa semiotik). Dengan kata lain, simbol kata yang diperoleh daripada pesan dan nilai kehidupan dalam diri Lawe' adalah sebagai dewa, manusia dan kesateria.

Berkaitan dengan Rajah 2, misalnya buku *Takna' Lawe'* Bagian I berisi tema (idea pusat), iaitu tentang kehidupan sehari-hari di rumah dan cinta Lawe' kepada seorang perempuan cantik dan sakti yang bernama Nyalo, meskipun Karigit, iaitu kekasih Lawe' cemburu. Dalam hal ini, Lawe' mencari seorang isteri yang diakhiri



**Rajah 2** Nilai kepahlawanan Lawe' (Pahlawan demi Kekasih).

dengan perkahwinannya dengan Nyalo. Bahagian I ini terdiri daripada tujuh episod seperti yang berikut:

1. Episod 1 (bait 1–45): Kehidupan Lawe’ (Lawe’ Delo’ T’awaa’)(Lawe’ dan teman-teman di kampung dan persekitarannya).
2. Episod 2 (bait 46–55): Membincangkan perempuan cantik dan sakti, Nyalo.
3. Episod 3 (bait 56–121): Pertemuan dengan Nyalo.
4. Episod 4 (bait 122–305): Bersama Karigit, kekasih Lawe’.
5. Episod 5 (bait 306–1125): Kembali lagi mencari Nyalo ke kayangan, ke matahari.
6. Episod 6 (bait 1126–1393): Lawe’ berkahwin dengan Nyalo.
7. Episod 7 (bait 1394–1874): Lawe’ kembali berjumpa Karigit dan Nyalo.

Daripada idea pusat bahagian ini, episod 1–4, misalnya menghuraikan kehidupan Lawe’ dengan sahabatnya di kampung dan persekitarannya seperti di rumah dan di sungai. Mereka memperkatakan banyak hal dalam kehidupan seperti mandi, bekerja dan melakukan aktiviti bercerita, menyanyi, menari, melukis dan mengukir yang menjadi budaya dan moraliti komuniti Kayan di Kampung Mendalam. Huraian ini menggambarkan sifat Lawe’ yang humanisme (bersifat perikemanusiaan) yang boleh memancarkan nilai kecerdasan, kebersamaan, estetika, moraliti dan kasih sayang.

Di samping itu, rakannya turut mengakui Lawe’ sebagai seorang pahlawan dan raja. Lawe’ diperikan sebagai seorang yang gagah kerana mempunyai postur tubuh yang tegap dan kuat, berani dan dikagumi. Huraian ini menggambarkan Lawe’ ialah seorang kesateria yang boleh memancarkan siratan nilai kekuatan, keberanian, kepimpinan dan kesetiaan. Kepahlawanan Lawe’ boleh juga digambarkan dan dianalisis berdasarkan kajian “tanda”, terutamanya “tanda” berdasarkan teori semiotik Peirce (1939–1914) (Tengku Intan Marlina, 2014:10; Deledalle, 2000:108–09; Chandler, 2002:32–33). Teori ini menyatakan bahawa:

*A sign ... [in the form of a representamen] is something which stands to somebody for something in some respect or capacity. It addresses somebody, that is, creates in the mind of that person an equivalent sign, or perhaps a more developed sign. That sign which it creates I call the interpretant of the first sign. The sign stands for something, its object. It stands for the object, not in all respects, but in reference to a sort of idea, which I have sometimes called the ground of the representamen.*

Peirce menemukan ada tiga jalur logik (trikotomi), iaitu (a) trikotomi pertama sebagai hubungan nalar dengan jenis penandanya (*representamen*) dengan tiga

kategori, iaitu tanda kualiti (*qualisign*), tanda personal (*sinsign*) tanda peraturan (*legisign*); (b) trikotomi kedua sebagai objek, hubungan kenyataan dengan jenis dasarnya, dengan tiga kategori, iaitu ikon (menyerupai objek), indeks (kesan objek) dan simbol (kaedah persetujuan objek); dan (c) trikotomi ketiga sebagai *interpretant*, hubungan fikiran dengan jenis petandanya dengan tiga kategori, iaitu rema (makna kemungkinan), *discent* (makna wujud) argumen (makna fikiran). Dengan ini, ketiga-tiga jalur tersebut mengandungi sembilan unsur penanda sebagai struktur semiotik yang saling selari sebagai suatu kombinasi dengan yang lainnya, yang dinamai kepertamaan (*firstness*), kekeduaan (*secondness*) dan keketigaan (*thirdness*). Menurut Peirce (lihat juga Santosa, 1993:10–11; Abdul Hamid dan Tengku Intan Marlina, 2010:6), sesuatu “tanda” boleh jadi sederhana, biasa ataupun kompleks. Berbeza daripada Saussure, Peirce (Everaert-Desmedt, 2011) tidak mendefinisikan sesuatu “tanda” sebagai unit yang terkecil daripada pemaknaan. Sesuatu hal atau fenomena dalam kekompleksan apa-apa pun boleh dipertimbangkan sebagai sesuatu “tanda” semasa terjadinya proses semiosis, iaitu interaksi hubungan antara ketiga-tiga trikotomi tersebut.

Dengan demikian, “tanda” boleh dibahaskan maknanya kepada sesuatu yang lebih bersifat umum, manakala “tanda” tersebut dapat diamati dan dapat memberikan petunjuk untuk difahami. Oleh itu, “tanda” dapat difahami dalam bentuk objek, imej ataupun peristiwa. Menurut Tengku Intan Marlina (2014:10), “tanda” bukanlah hanya kerana sesuatu peristiwa atau tidak adanya peristiwa, suatu struktur yang ditemui dalam sesuatu, suatu kebiasaan—semuanya dapat dianggap sebagai tanda. Menurut Peirce (1965) dan Tengku Intan Marlina (2014:13–17), tanda yang tersirat dalam *qualisign* ialah kualiti daripada sebuah tanda (*a quality which is a sign*). Contoh kualiti adalah seperti warna merah dan warna tersebut belum mengandungi makna tersirat sebelum warna tersebut merujuk makna atau erti tertentu. Dalam komuniti Kayan, warna merah tersirat erti sosial dan budaya, iaitu sifat atau perasaan daripada seseorang tentang keghairahan, keberanian dan keperkasaan. Orang Kayan memakai *basung* ‘baju’, *lavung* ‘topi’, atau *kalung* ‘ukiran’ dan perisai sebagai alat seni tari dan perang yang berwarna merah. Warna merah sudah diterima, dan lazim digunakan sebagai alat untuk menyatukan perhubungan dan menimbulkan persefahaman. Oleh itu, warna merah merupakan tanda kualiti tentang sikap dan perasaan (tahap pertama), iaitu *qualisign* yang kemudiannya bersemiosis menjadi tanda tahap yang kedua, iaitu *sinsign* (faktanya warna merah digunakan pada baju, topi, kalung, dan sebagainya). Tanda tahap pertama dan diterima sebagai perkara lazim dalam kehidupan komuniti Kayan. Kelaziman yang diterima dan ditaati ini membentuk tahap ketiga, iaitu tanda warna merah itu sesuai dengan konteksnya. Tanda ini telah diterima dan merupakan salah satu peraturan yang lazim (*legisign*) dalam komuniti Kayan.



Episod 5–7 dalam puisi epik *Takna' Lawe'* ini menunjukkan Lawe' yang dipuja kerana memiliki kekuatan magis, sakti, agung, serta mempunyai kemampuan luar biasa yang boleh menjelma menjadi manusia dan kemudiannya menjadi roh, dan sebaliknya. Contohnya, puisi tersebut menggambarkan usaha Lawe' yang pergi mengejar Nyalo yang lari dari bumi untuk pergi ke kayangan. Usaha ini pastinya memerlukan kemampuan luar biasa, magis dan sakti (*supernatural*) yang menggambarkan nilai kedewaan tentang kemuliaan, kekuasaan, kebesaran, kemurnian dan keagungan yang tersirat dalam puisi epik *Takna' Lawe'*. Selain itu, tersirat mesej dan nilai kepahlawanan Lawe' selaku seorang tokoh yang beradat, berani dan perkasa, tetapi suka akan perempuan cantik untuk diperisteri seperti dalam petikan puisi yang berikut:

*Lamako pano ngayang,  
Melangkah berjalan  
Nah layo' bato' usang,  
Balawing mejak tulang;  
Pano nah Lawe' sang  
Te nyebung ataan lulo  
lung Kan—  
Limaan tulaa' malaan.*

*Lamako pano ngayang,  
melenggang  
Pahlawan  
Pangeran yang memegang adat;  
Berjalanlah Lawe'  
Pergi menceburi air kali batang Kaliman.*

(Buku I, bait 21:8)

*Miaan nah daraa',  
Lawe' delo' peduu' palavuu' luaa',  
Teguu' lingah malam navaa',  
Tupu au nah Balawaan delo' Awing Liling,  
Padung tulaa' malaan.*

Tidaklah lama,  
Lawe' dan teman-teman bersantap,  
Waktu jauh malam,  
Selesailah Lawe' dan teman-teman  
Makan di bilik Leno.

(Buku II, bait 317:126)

*Ne bitii' nejo',  
Bitii' nah pe dune layo',  
Man alam tilung hudo',  
An na' ilo nah alah liwah liko',  
Langio nah hibaan t'alam ngayaan na',  
Nyalo aur Kalimaan tulaa' malaan.*

Bangkit berdiri,  
Bangkitlah pahlawan sakti,  
Dari dalam kamar topeng,  
Dicarinyalah puteri:  
Sunyilah puteri dalam tempatnya,  
Nyalo hulu Kaliman.

(Buku I, Bait 661:268)

*Kelaa' pah nah pangaruh jayaa',  
Anun Magung ubung hinaa',  
Dawa' To' tun tanaa',  
Kelaan bataang uraang leraa',  
Dawa' Awing Dale' mitaa',  
Teguu' delo' te pehinaa',  
Patulung pekalugo pesaa',  
Pasikung te' banghain ledaa',  
Aring balaang nah dawa' te palaa',  
Jaan mubung umaa',  
Lawaan te' jumaan ataan te' Datah Leno,  
Komdo aring nidaan.*

Diperoleh semualah pengaruh jaya,  
Kepunyaan Magung puncak angkasa,  
Mereka roh penghuni tanah,  
Diperoleh baginda pahlawan,  
Dan Awing Dale' penyambar,  
Waktu mereka bertemu,  
Bergulat bergumul berjuang,  
Tarik-menarik rambut di pantai sungai,  
Maka tak jadilah,  
Keduanya pergi ke rumah,  
Rumah di tanjung air di Lembah Leno.

(Buku II, bait 78:34)

Nilai kepahlawanan juga dapat dikesan menerusi watak atau sikap dan nilai moral seseorang. Menurut Lorraine Ling dan Joan Stephenson (Stephenson *et al.*, 2005) nilai merujuk kepercayaan individu atau komuniti yang berkaitan dengan harga diri. Sesuatu nilai moraliti berkait rapat dengan hubungan antara yang baik dengan yang buruk (Ronald, 2007). Nilai tersebut dikembangkan secara praktis menerusi hubungan antara tema dengan mesej yang dirumuskan seperti dalam Jadual 1 yang berikut:

**Jadual 1** Tema dan mesej daripada nilai kepahlawanan Lawe’.

Tema	Nilai dan Mesej
Tema ialah wawasan ( <i>insight</i> ) kehidupan Lawe’ yang diungkapkan dalam <i>Takna’ Lawe’</i> sebagai puisi epik ( <i>it’s a deeper truth about reality</i> ). Lawe’ ialah tokoh dan pahlawan yang bersifat manusia, dewa dan kesateria yang berjuang dengan gagah berani dan memperlihatkan nilai seperti kecerdasan, keberanian, cinta, kesetiaan, moraliti, kebersamaan, kesaktian dan tanggungjawab.	Nilai kecerdasan bermaksud kemampuan dan kesanggupan untuk mewujudkan keadilan dan kedamaian.
	Nilai keberanian bermaksud kekuatan dan kemampuan berfikiran positif dan bertindak.
	Nilai cinta atau kasih sayang bermaksud perhatian dan kasih sayang yang tulus dan jujur untuk mencari kedamaian.
	Nilai moraliti bermaksud kebajikan yang penuh dengan pengabdian demi kasih sayang dan kejujuran.
	Nilai kesaktian bermaksud kekuatan yang luar biasa, magis dan sakti ( <i>supernatural</i> ) dan tindakan yang konsisten untuk mencari kebenaran.
	Nilai kebersamaan bermaksud seruan bekerja secara berpasukan.
	Nilai tanggungjawab bermaksud kewajipan yang dipikul dan kesedaran terhadap hasil yang baik dan yang buruk.

## KESIMPULAN

*Takna’ Lawe’* sebagai salah satu genre kesusasteraan orang asli dalam bentuk puisi epik mengandungi nilai kemanusiaan, kedewaan dan kekesateriaan melalui ketokohan pahlawan Lawe’. Keadaan ini membuktikan bahawa *Takna’ Lawe’* dan sejumlah khazanah kebudayaan Kayan masih relevan sehingga kini. *Takna’ Lawe’* masih boleh dipraktikkan dalam kehidupan komuniti Kayan. Orang Kayan di Kalimantan Barat, khususnya masih mengekspresikan *takna’* (menyanyi dan menari) dalam upacara adat tradisi yang diadakan setahun sekali, seperti pada waktu pesta

kesyukuran selepas masa panen padi yang disebut sebagai Pesta *Dange Kayan* yang disambut setiap bulan April hingga Mei setiap tahun.

*Takna' Lawe'* pernah ditampilkan dalam Festival Tradisi Lisan Nusantara di TIM Jakarta pada 9 hingga 11 Disember 1993. Dua puluh lima orang Kayan tampil membawakan puisi *Lawe'* yang ditarikan dan dilakonkan dalam bentuk opera. Bait puisi *Lawe'* juga secara rutin dibawakan dalam doa, persembahan dan lagu sewaktu upacara keagamaan di gereja Katolik, terutama di Kampung Mendalam, Kapuas Hulu, Kalimantan Barat. Keadaan ini bermakna *Takna' Lawe'* merupakan karya sastera tradisional yang telah melalui proses sosial budaya dan keagamaan (*Takna' Lawe'* yang dinyanyikan dimasukkan ke dalam Tataupacara Misa di dalam gereja agama Katolik).

Bentuk, pesan, dan nilai dalam *Takna' Lawe'* dapat dikesan menerusi bahasa dan motif atau ukiran masyarakat Kayan. Ilmu yang terkandung dalam sesuatu genre kesusasteraan tradisional seperti puisi epik *Takna' Lawe'* perlu dijadikan asas untuk meningkatkan dan memajukan kehidupan komuniti tempatan dengan cara mengapresiasi kearifan tempatan yang dimiliki. Sesungguhnya, khazanah nilai kepahlawanan *Lawe'* wajar dimanifestasikan sebagai suatu sumber kearifan tempatan untuk membina karakter komuniti Kayan, di samping perlu dipelajari dan dipraktikkan dalam pendidikan dan institusi kekeluargaan.

## NOTA

- 1 Orang asli (disebut juga sebagai masyarakat adat) atau masyarakat peribumi merupakan istilah standard antarabangsa dalam Konvensi ILO-UN 169 Tahun 1989 (Dahre, 2006).
- 2 Orang Kayan Kampung Mendalam ialah salah satu subsuku Dayak (orang asli) yang tinggal di Kalimantan Barat. Subsuku ini juga terdapat di Kalimantan Timur dan Sarawak. Orang Kayan Kampung Mendalam tinggal di tiga Desa dan lapan Dusun di Sungai Mendalam, anak Sungai Kapuas yang terletak di kawasan bandar Putussibau, Kabupaten Kapuas Hulu, Kalimantan Barat. Data 2010–2011 daripada Kecamatan Putussibau Utara mendapati jumlah orang Kayan ialah 2120 orang.
- 3 *Takna' Lawe'* terdiri daripada empat buah buku. Buku tersebut berjudul *Syair Lawe'* sudah diterbitkan pertama kali pada tahun 1984 oleh Gadjah Mada University Press Indonesia. Kata “syair” dalam *Syair Lawe'* sebenarnya tidak tepat digunakan kerana karya sastera tradisional ini berbentuk puisi epik (*narrative poem*) dan bukannya syair.
- 4 *Lawe'* yang misteri dan sakti mempunyai tanda seperti dikandung selama dua tahun, dan setelah dilahirkan pula berlaku bermacam-macam peristiwa seperti menjadi hancur jika dipegang orang; ghaib; dan sewaktu masih bayi hanyut di sungai dan ditelan oleh ikan dungan dan udang besar tetapi dimuntahkan dan hidup normal

- semula. Oleh sebab leluhur yang sakti dan penuh misteri, namanya menjadi tabu jika digunakan.
- 5 *Takna'* dalam bahasa Kayan bermaksud (1) cerita dan (2) roh.
  - 6 Komuniti Kayan (yang sampai pada awal abad ke-20) dari segi struktur sosialnya dikenali sebagai tiga kelompok komuniti, iaitu *hipui* atau *hipi* (golongan tinggi), *panyin* (golongan pertengahan atau biasa) dan *dipan* (golongan rendah).
  - 7 Kesusasteraan peribumi tidak mendapat perhatian daripada pemerintah dan penyelidik budaya. Karya sastera ini dianggap sebagai cerita rakyat, suatu istilah yang menggambarkan betapa rendahnya apresiasi yang diberikan kepadanya jika dibandingkan dengan karya besar yang bertaraf kebangsaan atau antarabangsa seperti *Ramayana-Mahabrata* yang menjadi ilham di pentas seni wayang kulit di Jawa atau tari puteri Kecak di Bali.
  - 8 Akoto, Richard *et al.*, 2008. “*Indigenous Cosmology of Cultural Heritage for Impact Assessment*”. Kertas kerja dalam 28th Annual Conference of the International Association for Impact Assessment. Perth Convention Exhibition Centre, Perth, Australia, 4–10 Mei 2008 (www.iaia.org).
  - 9 Sungai Kaliman (*Kalimaan*, Kayan) dalam *Takna' Lawe'* ialah nama sebatang sungai yang besar di bumi para roh di atas (kayangan), termasuk kampung tempat tinggal Lawe', iaitu Lung Burak di Sungai Kaliman.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid Adnan dan Tg. Intan Marlina Tg. Mohd. Ali, “Analisis Semiotik Lirik Lagu-lagu Gubahan P. Ramlee” dlm. *Jurnal Pengajian Melayu* 21, hlm. 1–25, Disember 2010.
- Ahimsa-Putra, H. S., 2006. “Metode Pengumpulan Data Kearifan Tradisional tentang Lingkungan” dlm. *Metode Penelitian dan Penulisan Kearifan Tradisional Lingkungan*. Jakarta: t.p.
- Ahimsa-Putra, H. S., 2011. “Kearifan Tempatan dan Jati Diri Bangsa”. Kertas kerja dalam Seminar Kearifan Tempatan. Langkawi, 10–11 Oktober 2011.
- Bowra, C. M., 1952. *Heroic Poetry*. London: Macmillan and Co. Ltd.
- Chandler, D., 2002. *Semiotics: The Basics*. London: Routledge, Taylor and Francis Group.
- Dahre, U. J. (ed.), 2002. *The International Discourse on Indigenous Peoples. A Compilation of Legal and Political Documents*. Copenhagen, Denmark: IWGIA.
- Dahre, U. J., 2006. *Dokumen Internasional dan Nasional tentang Masyarakat Adat*. Diterjemahkan oleh Albert Rufinus, Julia Kam, Stevanus Buan dan Eusabinus Bunau. Pontianak: Green Library dan Institut Dayakologi.
- Deledalle, G., 2000. *Charles S. Peirce's Philosophy of Signs. Essays in Comparative Semiotics*. Bloomington: Indiana University Press.
- Dove, M. R., 1984. “Syair Lawe' dan Kesusasteraan Keagamaan di Indonesia” dlm. Long, S. Lii' dan A. J. Ding Ngo. *Syair Lawe': Pahlawan Demi Kekasih*. Bagian Pendahuluan.

- Yogyakarta: Gadjahmada University Press.
- Dundes, A. (ed), 1965. *The Study of Folklore*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Dundes, A., 1980. *Interpreting Folklore*. Bloomington, IN: Indiana University Press.
- Everaert-Desmedt, N., 2011. « Peirce's Semiotics » in Louis Hébert (dir.). *Signo* [online]. Rimouski (Quebec). <http://www.signosemio.com/peirce/semiotics.asp> (Capaian pada 13 Oktober 2013).
- Geertz, C., 1983. *Local Knowledge: Further Essays in Interpretive Anthropology*. New York: Basic Books, Inc.
- Jones, C., 2010. *New Heroes in Antiquity: From Achilles to Antinoos*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press.
- Juli E., 2001. "Kosmologi Orang Asli: Satu Pemerihalhan mengenai Perjalanan Roh" dlm. Yaacob Harun (ed.). *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Long, S. L. dan Ngo, D. A. J., 1984. *Syair Lawe': Pahlawan Demi Kekasih*. Yogyakarta: Gadjahmada University Press.
- Moss, J., 2006. *Literature and Its Times*. Jilid 8. Deroit: Gale and Cengage Learning, Inc.
- Peirce, C. S., 1965. *Collected Papers of Charles Sanders Peirce*. Jilid I dan Jilid II. London: Belknap Press of Harvard University Press.
- Ronald, Paulson, 2007. *Sin and Evil: Moral Values in Literature*. New Haven: Yale University Press.
- Santosa, P., 1993. *Ancangan Semiotika dan Pengkajian Susastra*. Bandung: Angkasa.
- Skeat, W. W., 1965. *Malay Magic: An Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsular*. London: Frak Cass and Co. Ltd.
- S. M. Ponniah, 1979. "Kampan's Portrayal of Iraman as an Epic Hero". Tesis PhD. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Stephenson, J. et al. (ed.), 2005. *Values in Education*. New York: Routledge.

Diperoleh (*Received*): 14 Mac 2016

Diterima (*Accepted*): 24 Mei 2016